

## ETS: Perkhidmatan Rel Bertaraf Dunia

Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) yang dioperasikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), merupakan perkhidmatan tren laju yang menggunakan landasan berkembar dengan kelajuan purata 140km/j dengan kelajuan maksima boleh mencapai 160 km/j.

Setiap set tren ETS mempunyai kapasiti penumpang sebanyak 350 dan dilengkapi dengan fasiliti atas tren seperti bilik air, koc buffet, soket kuasa bagi setiap dua tempat duduk dan dua skrin LED bagi setiap koc di dalam tren ETS.

Semenjak ETS mula diperkenalkan pada tahun 2010, jumlah keseluruhan penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini sehingga November 2017 telah mencapai hampir 15 juta penumpang.



Untuk mengetahui info lanjut mengenai perkhidmatan ETS oleh KTMB, sila layari pautan ini: [www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my)




### JOM Balik kampung dengan ETS

Perkhidmatan ini sangat popular dikalangan rakyat terutama menjelang musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan juga Perayaan Krismas dan juga setiap kali musim cuti persekolahan.

Malah, perkhidmatan tren ini begitu menggalakkan sehingga YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sendiri turut mencuba perkhidmatan ETS ini pada 3hb Febuari 2018 yang lalu dari stesen KL Sentral ke Tanjung Malim bagi menghadiri program bersama rakyat di sana.




#### Info Psychology

**Nothing is impossible,  
the word itself says  
"I'm possible" !**



**ETS** **KTMB**  
Dikendalikan oleh

Perkhidmatan Tren Elektrik

Menggunakan Landasan Berkembar	Kelajuan Purata <b>140 km/j</b> maksima <b>160 km/j</b>	<b>15</b> Juta Penumpang mencapai hampir sehingga November 2017
<b>1 Tren</b> kapasiti penumpang <b>350</b> dilengkapi fasiliti	<b>bagi dua</b>	<b>tempat duduk</b>
 tandas	 koc buffet	 soket kuasa

# DCA KINI DIKENALI SEBAGAI CAAM



Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memperkukuhkan dan mengtransformasikan industri penerbangan negara, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah beralih menjadi sebuah badan berkanun dan akan dikenali sebagai Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia (CAAM) berkuatkuasa pada 19 Februari 2018 yang lalu.

CAAM diterajui oleh Y.Bhg. Dato' Sri Azharuddin bin Abdul Rahman selaku Pengerusi dan Encik Ahmad Nizar bin Zolfakar selaku Ketua Pegawai Eksekutif. Mereka akan turut disertai oleh Ahli-ahli lembaga, iaitu:

1. Y.Bhg. Ir. Prof. Dato' Dr. Chuah Hean Teik
2. Y.Bhg. Commander (H) Prof. Datuk Razali Mahfar
3. Kapten Ahmad Ridzwan bin Mohd Salleh
4. Kapten Mohamed Azharuddin bin Osman

CAAM diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan akan berfungsi sebagai badan kawal selia dalam aspek keselamatan dan sekuriti bagi industri penerbangan awam negara. Ia juga akan memainkan peranan penting dalam mengekalkan daya saing Malaysia dalam sektor penerbangan di rantau ini dan di peringkat global.

Sebagai sebuah badan berkanun yang bebas, antara tanggungjawab dan bidang kuasa Suruhanjaya ini termasuk melindungi operasi penerbangan awam di Malaysia, menjalankan pengawasan pengawalseliaan keselamatan penerbangan awam, mengawal selia operasi perkhidmatan dan kemudahan aerodrome di Malaysia, menyediakan perkhidmatan navigasi udara di Wilayah Penerbangan (FIR) Kuala Lumpur Kota Kinabalu, menyelaraskan operasi mencari dan menyelamat (SAR) dan juga bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab dengan penyiasatan terhadap kemalangan pesawat dan insiden yang serius.

Selain daripada fungsi kawal selia dan pengawasan, CAAM juga akan menggalak, mempromosi, dan memfasilitasi pembangunan dan peningkatan keupayaan, kemahiran dan perkhidmatan penerbangan awam di Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan teknikal dan perundingan yang berkaitan dengan penerbangan awam serta menyediakan pendidikan dan latihan dalam industri tersebut dan menggalakkan penyelidikan dan pembangunan sektor penerbangan awam.

# RTS: Satu lagi transformasi pengangkutan


Malaysia dan Singapura telah memeterai perjanjian dua hala bagi projek Rapid Transit System (RTS) Link, di Pemukiman Pemimpin Singapura-Malaysia kelapan yang berlangsung di republik berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian oleh Menteri Penyelaras bagi Infrastruktur dan Pengangkutan republik itu, Khaw Boon Wan, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.



Sistem MRT merentasi sempadan iaitu antara Johor Bahru dan Singapura sejauh empat kilometer ini pertama kali diumumkan pada 2010 lalu. Ia dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2024, iaitu dari stesen RTS di Bukit Chagar, Johor ke stesen RTS Woodlands North di Singapura. Malah ia juga dilihat sebagai salah satu jalan penyelesaian yang bakal mengatasi kesesakan trafik di Tambak Johor dan Tuas pada setiap hari.

Apabila siap, RTS mampu menampung pergerakan sehingga 10,000 penumpang sejam satu arah dalam masa satu jam. Ia dijangka mampu mengurangkan masa perjalanan antara kedua-dua negara kepada 30 minit berbanding lebih sejam pada masa ini. Pada masa ini, kira-kira 400,000 pengguna melalui Tambak Johor dan Tuas setiap hari.



Able to transport **10,000 passengers** an hour

**72,000 passengers** a day compared to KTMB's 6,000 a day

**4.2km track** travelling partly underground

**25m-high bridge track** across the Straits of Johor